

121

SOALAN NO: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB [DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM]
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal]
TARIKH : 21 Mac 2018
SOALAN : 52

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah serta peratusan hospital dan klinik Kerajaan yang sudah menggunakan sistem atas talian (online) Pharmacy Hospital Information System (PhIS) dan Total Hospital Information System (THIS) dan apakah kebaikan sistem tersebut kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Pharmacy Information System (PhIS) membolehkan perkhidmatan Farmasi seperti pengurusan preskripsi pesakit, kaunseling ubat-ubatan, *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC), pengeluaran ubat-ubatan dan pengurusan inventori dikendalikan melalui sistem yang bersepadu.

Sehingga kini, sebanyak 1,176 fasiliti bersamaan 93% daripada hospital dan klinik Kerajaan telah menggunakan Sistem PhIS. Pelaksanaan PhIS telah memberi peluang kepada KKM untuk melaksanakan *business process realignment* ke atas proses kerja farmasi bagi memastikan

ketepatan prosedur dan dokumentasi. Ianya juga membolehkan kualiti dan integriti sistem penyampaian perkhidmatan farmasi dipertingkatkan.

Kebaikan sistem PhIS kepada pengguna adalah seperti berikut :

- a) Pemantauan dari aspek pengambilan ubat pesakit yang lebih cekap oleh pasukan penjagaan kesihatan (*Healthcare Provider*) kerana maklumat berkaitan penyediaan dan pembekalan ubat kepada pesakit mudah dikesan dari system;
- b) Maklumat cara penggunaan dan harga ubat adalah konsisten di semua fasiliti yang menggunakan sistem PhIS dan dipaparkan dalam label yang mudah dibaca oleh pesakit;
- c) Pengurusan inventori ubat yang lebih efisien, bersepadu dan telus serta penyampaian maklumat berkaitan ubat-ubatan secara cepat dan berkesan; dan
- d) PhIS menyediakan *online realtime integrated services* bagi perkhidmatan Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) yang berpotensi meningkatkan keberkesanan sistem perkhidmatan di antara fasiliti-fasiliti KKM. Dengan SPUB, pesakit boleh mendapatkan bekalan ubat susulan di fasiliti lain dengan mudah dan menjimatkan.

Manakala *Total Hospital Information System* (THIS) adalah sistem yang menyokong perkhidmatan kesihatan hospital-hospital Kerajaan secara bersepadu menerusi sistem-sistem pentadbiran, kewangan dan klinikal seperti *Patient Management System* (PMS), *Laboratory Information System* (LIS), *Radiology Information System* (RIS) & *Picture Archiving*

Communication System (PACS), Pharmacy Information System (PhIS), Critical Care Information System (CCIS) dan sistem-sistem lain.

Sebanyak 19 hospital atau 13% daripada jumlah 145 hospital Kerajaan telah menggunakan *Total Hospital Information System (THIS)*.

Pelaksanaan THIS telah memberikan faedah kepada pengguna seperti berikut :

- a) Rekod-rekod perubatan elektronik (EMR) pesakit diuruskan dengan lebih sistematik, cepat dan kurang ralat klinikal (*clinical errors*);
- b) Penghasilan maklumat secara bersepadu dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan terhadap sektor perubatan secara lebih tepat dan efektif;
- c) Meningkatkan produktiviti dan keberkesanan pihak hospital di dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan pesakit dan;
- d) Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dari segi pengurusan kaunter berkualiti dan pengurangan masa menunggu di hospital.